

24 JANUARI 2018

Lima ditahan, 440 bungkus air daun ketum dirampas

Lima ditahan, 440 bungkus air daun ketum dirampas

IPOH 23 Jan. - Polis menahan lima lelaki dan merampas 440 bungkus air daun ketum bernilai RM2,420 di sebuah rumah sewa di Taman Pakatan Jaya di sini semalam.

Turut dirampas empat bakul plastik berisi daun hijau disyaki daun ketum seberat 30 kilogram, dua periuk besar berisi hampas daun ketum, alat penimbang, dua tong gas, dua dapur memasak dan dua kaki tungku dapur.

Ketua Polis daerah, Asisten Komisioner Mohd. Ali Tamby berkata, ketika serbuan pada pukul 11 malam itu dilakukan, kesemua suspek terbabit sedang membungkus dan memproses air daun ketum.

Menurutnya, kesemua tangkapan tersebut berumur antara 25 hingga 35 tahun.

"Apabila pihak polis sampai di rumah berkenaan, didapati tiga lelaki yang berada di ruang tamu sedang membungkus air disyaki air ketum manakala dua yang lain berada di dapur sedang memasak

dua periuk besar, air disyaki air ketum.

"Pemeriksaan di ruang tamu mendapati terdapat empat bakul plastik berisi 440 bungkus air disyaki air ketum dan empat bakul berisi daun-daun hijau juga disyaki daun ketum," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Mohd. Ali memberitahu, pemeriksaan di bahagian dapur turut menemukan dua periuk besar disyaki daun ketum yang sedang di masak.

Ujarnya, daun-daun ketum berkenaan dipercayai diperoleh daripada pembekal dari luar Perak dan dipasarkan untuk pasaran tempatan.

"Pemeriksaan lanjut mendapati kegiatan tersebut baharu sahaja beberapa bulan beroperasi dan rumah yang dijadikan tempat memproses daun ketum itu pula merupakan rumah sewa.

"Kesemua mereka tidak mempunyai rekod kesalahan lampau dan kes disiasat di bawah Seksyen 30(3) Akta Racun 1952," katanya.